

Hari TIBI Sedunia 2003

"Saya tinggal di sebuah kampung nelayan jaraknya 15 km dari hospital. Saya sering batukbatuk sejak beberapa bulan yang lalu. Saya anggap ia adalah kerana merokok. Doktor telah mengesahkan saya megidap penyakit Pulmonari Tuberculosis (Tibi). Di klinik Dada Hospital Pulau Pinang saya telah menerima rawatan sambil diselia oleh kakitangan klinik tersebut. Saya terpaksa berulang alik dari rumah ke hospital setiap hari. Pihak hospital telah mengusahakan supaya rawatan susulan saya dilakukan di klinik Desa di kampung saya. Keadaan ini memudahkan saya serta menjimatkan masa saya. Saya berterima kasih kepada doktor serta anggota Klinik Dada."

..En. Man, 72 tahun, Malaysia

DOTS memudahkan pesakit menerima rawatan penyakit Tibi di kemudahan kesihatan yang terhampir dengan tempat tinggal. Ini memastikan pesakit tidak terjejas aktiviti harian di samping menerima rawatan berterusan.



**"DOTS menyembuhkan saya-
DOTS juga boleh menyembuhkan anda"**